PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 26 (1) Mei 2022 (034-057)

Analisis Konteks Peristiwa Bahasa *Melati Sarawak*: Aplikasi Pola Kombinasi Maksim Leech (1983) & Grice (1975)

Sara Beden
sara.beden@ipgmktar.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak
Jalan Dato' Musa, Kota Samarahan, Sarawak Malaysia.

Tarikh terima : 21 Mac 2022
Received
Terima untuk diterbitkan : 11 April 2022
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Mei 2022
Published online

Abstrak

Kajian ini menggabungkan dua model kesopanan, iaitu Leech (1983) dan Grice (1975) yang membentuk Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU). Penggabungan ini membentuk enam pola kombinasi maksim dalam MPKMU, iaitu Pola 1, Pola 2, Pola 3, Pola 4, Pola 5 dan Pola 6 berdasarkan pengaplikasian prinsip hampir sama, tepat dan ekonomis. Berdasarkan pengklasifikasian terhadap empat peristiwa bahasa dalam *Melati Sarawak*, didapati 3 daripada 4 peristiwa telah diklasifikasikan dalam Pola 1 dan 1 peristiwa diklasifikasikan dalam Pola 3 untuk dianalisis. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan pola kesopanan berbahasa dalam peristiwa bahasa berdasarkan MPKMU. Kaedah yang diaplikasi dalam kajian ini ialah kaedah analisis teks dan kaedah kuantitatif yang melibatkan peratusan. Dapatan analisis memperlihatkan 3 peristiwa mematuhi prinsip hampir sama dalam Pola 1 dengan kehadiran Maksim Cara yang mencakupi penggunaan jumlah maksim dan dialog yang digunakan manakala 1 peristiwa mematuhi prinsip ekonomis dalam Pola 3 dengan memenuhi sekurang-kurangnya tiga cakupan maksim dalam Pola 3. Dapatan ini juga bervariasi dari segi penggunaan jumlah maksim dan dialog atas faktor konteks. Analisis konteks telah dilakukan terhadap tiga peristiwa dalam Pola 1 dan 1 peristiwa dalam Pola 3. Dapatan memperlihatkan tiga variasi penyediaan konteks wujud, iaitu (i) pascadata, (ii) pradata dan (iii) tiada konteks. Terdapat dua sifat penyediaan konteks, iaitu kewujudan penyediaan konteksnya signifikan (75%) dalam 3 peristiwa manakala satu peristiwa lagi menunjukkan penyediaan konteks Ø (25%). Sehubungan itu, kewujudan konteks memberikan impak yang menyeluruh terhadap kelengkapan maklumat dalam peristiwa bahasa yang dianalisis bagi mengekspresikan kesantunan. Impaknya, kajian ini telah memperlihatkan keperluan atau kepentingan wujudnya keserasian dan ketepatan antara penggunaan unsur-unsur bahasa dengan topik yang menjadi fokus perbincangan dalam setiap peristiwa bahasa.

Kata kunci: Konteks; signifikan; pola kombinasi maksim; peristiwa bahasa; pradata, pascadata

Context Analysis of *Melati Sarawak* Language Events: Application of Leech (1983) & Grice (1975) Maxim Combination Patterns

Abstract

This study combines two models of Politeness, namely Leech (1983) and Grice (1975) which form the General Maximum Combination Pattern Model (MPKMU). This merger forms six maximal combination patterns in MPKMU, namely Pattern 1, Pattern 2, Pattern 3, Pattern 4, Pattern 5 and Pattern 6 based on the application of almost identical, precise and economical principles. Based on the classification of the four language events in Melati Sarawak, it was found that 3 out of 4 events were classified in Pattern 1 and 1 event was classified in Pattern 3 for analysis. Accordingly, this study aims to analyse the use of language politeness patterns in language events based on MPKMU. The methods applied in this study are text analysis methods and quantitative methods involving percentages. The findings of the analysis show that 3 events adhere to the same principles in Pattern 1 with the presence of manner maxim which covers the use of the maximum amount and dialogue used while 1 event adheres to the economic principles in Pattern 3 by meeting at least three maxims coverage in Pattern 3. These findings also vary in terms of the use of maxim amounts and dialogue on context factors. Context analysis was performed on three events in Pattern 1 and 1 event in Pattern 3. The findings show that three variations of context preparation exist, namely (i) postdata, (ii) predata and (iii) no context. There are two properties of context preparation, namely the existence of context preparation is significant (75%) in 3 events while another event shows context preparation Ø (25%). Accordingly, the existence of context provides a comprehensive impact on the completeness of information in the language events analysed to expressed the politeness. As a result, this study has shown the needs or importance of the existence of compatibility and accuracy between the use of language elements with topics that are the focus of discussion in each language event.

Keywords: Context; significant; maxim combination pattern; language events; predata, postdata

---

1. Pengenalan

Bahasa merupakan wadah, wahana atau alat komunikasi yang paling berkesan dalam sesebuah komuniti sehingga bahasa diibarat melambangkan budi bahasa dan tamadun bangsa. Sesebuah bangsa dikenali menerusi gaya dan lenggok bahasanya kerana bahasa ialah pakaian fizikal yang dapat diperhati, diteliti dan dihakimi dengan mata kasar oleh lingkungan di sekelilingnya. Bahasa yang diucap atau diujarkan oleh seseorang bukan sahaja dapat mencermin dan mencitra kehemahannya malahan dapat menyingkap dasar keperibadian dan kehalusan budi bicaranya. Hashim Ahmad (2016: 42) dalam makalah yang bertajuk Bahasa Menggambarkan Peribadi menegaskan bahawa bahasa yang diucapkan oleh seseorang itu biasanya menggambarkan latar akhlak masyarakat asalnya kerana bahasa merupakan warisan bangsa. Pandangan ini merupakan suatu representasi bahawa sebelum mengujar atau menyatakan sesuatu, unsur-unsur bahasa sewajarnya dipilih agar tepat, sesuai dan betul penggunaannya mengikut konteks supaya tidak mencalar dan menggores perasaan pihak lain. Ujaran atau pertuturan yang dizahirkan oleh

seseorang dapat mencerminkan peribadi mahupun adabnya dalam berbahasa. Oleh itu, perilaku dan adab dalam berkomunikasi sewajarnya dipelihara dan tidak boleh dipandang remeh.

Pendeta Za'ba (1950) pernah berkongsi etiket dan perlakuan yang harus dipraktis dalam kehidupan seharian dengan turut memberikan penekanan terhadap tatacara berbahasa. Beliau menegaskan bahawa kelantangan suara perlu dikawal semasa berkomunikasi kerana kita tidak perlu menjerit untuk menyampaikan perkara yang hendak dibicarakan kepada orang lain. Sifat merendah diri pula sewajarnya menjadi perhiasan agar sentiasa disenangi orang yang berada di sekeliling kita. Sikap ini juga merupakan kunci pembawaan diri yang mustajab untuk berlaku sopan walau di ceruk mana seseorang itu berada kerana sikap menunjuk-nunjuk akan mengakibatkan pihak di sekeliling kita berasa meluat malahan benci. Oleh itu, sikap berhati-hati dengan mengambil kira faktor siapa lawan bicara, konteks dan tujuan dalam berkomunikasi perlu diberi keutamaan agar tiada pihak yang tersinggung mahupun tercalar maruahnya. Beliau turut menyentuh tentang kapasiti maklumat yang harus dikawal dalam berkomunikasi agar tidak menerbitkan perasaan kurang senang pendengar.

Suhaimi Jamaudin (2015: 16) menegaskan bahawa kesopanan berbahasa merupakan aspek penting bagi menghasilkan komunikasi yang menarik dan berkesan. Pandangan ini memanifestasikan bahawa komunikasi bukanlah berlaku sewenang-wenangnya, sebaliknya memerlukan pemprosesan data atau maklumat sebelum dipindahkan kepada penerima bagi memastikan maklumat tersebut terpelihara kesopanannya. Penyampai yang dikenali sebagai sumber terlebih dahulu mengenkod mesej yang hendak disampaikan kepada dekoder atau penerima agar maklumat yang diterima oleh penerima lengkap, mencukupi dan memuaskan hati selain menzahirkan unsur-unsur bahasa yang santun.

Walau bagaimanapun, dalam realiti komunikasi dewasa ini isu kesopanan berbahasa semakin terhakis dalam kalangan generasi muda sehingga mengakibatkan pelbagai gejala seperti bercakap kasar, mencarut, bergaduh dan bersikap menerbitkan kemarahan pihak lain malahan membawa kemudaratan. Situasi negatif ini selaras dengan pendapat Siti Hajar Che Man et al., (2012) bahawa gejala sosial yang menjadi-jadi dan kritikal malahan memperlihatkan kerakusan dan keganasan memerlukan penyelesaian. Dalam konteks ini, sudah tentu penyelesaiannya menerusi usaha-usaha menerap dan menyemai tatakrama berkomunikasi yang mengarah kepada pembinaan jati diri. Jeniri Amir (2009: 139) turut melontarkan kritikan beliau tentang isu ini dengan mengatakan bahawa "Kehalusan, keindahan, kesopanan dan kemurnian bahasa sering diketepikan. Orang lebih melihat kulit daripada isi, material daripada peribadi dan kehebatan luaran daripada kehebatan dalaman".

Pandangan ini memperjelas bahawa aspek kesopanan berbahasa dipinggir atau dianaktirikan dalam masyarakat kerana faktor material sedangkan aspek ini dapat mencerminkan keperibadian yang mulia dan unggul. Isu yang sama turut ditegaskan oleh Ainul Nuriman (2015) yang mengatakan bahawa generasi sekarang menganggap kesopanan berbahasa sebagai nilai kuno yang tidak selari dengan perkembangan semasa dan generasi ini kurang peka dengan penggunaan bahasa yang sopan. Sehubungan dengan permasalahan ini, langkah yang

konstruktif untuk menyemai dan menyuburkan amalan ini sewajarnya diberi perhatian agar tanggapan ini tidak mendarah daging dalam kalangan generasi hari ini.

Ringkasnya, komunikasi yang sopan memerlukan kolaboratif pelbagai elemen komunikasi seperti unsur-unsur bahasa, maklumat atau mesej dan kemahiran bagi mencapai objektif komunikasi. Sehubungan itu, kesopanan bukan sahaja diukur menerusi pemilihan dan penggunaan unsur-unsur bahasa yang memiliki ciri kesopanan malahan menitikberatkan pemberian maklumat berdasarkan konteks. Kelengkapan dan kecukupan maklumat dalam berbicara sewajarnya diambil kira dalam usaha kita menyantuni pendengar dan melestarikan kesopanan berbahasa. Kesempurnaan maklumat memudahkan komunikasi difahami, dihayati dan dicerna oleh lawan bicara. Abdullah Hassan et al. (1999: 12) menegaskan bahawa komunikasi yang berkesan memperlihatkan ciri kefahaman, iaitu pendengar betul-betul faham perkara yang dimaksudkan dalam perbualan. Impaknya, komunikasi menjadi lancar apabila semua pihak berpuas hati dengan pemberian maklumat yang lengkap dan mencukupi sekali gus mencapai objektif komunikasi. Sarjana tempatan, iaitu Asmah Omar (1996) mengekspresikan kesopanan sebagai satu tuntutan dalam perbahasan, perbincangan dan perundingan supaya kesopanan berlaku terus-menerus dan konflik dapat dihindari di samping penggunaan humor dan cakap berlapik. Perbincangan, perbahasan dan perundingan merupakan perjumpaan antara individu yang berbeza taraf sosial dan peranan yang sudah pastinya memerlukan pematuhan kepada peraturan-peraturan tertentu.

Objektif kajian

Makalah ini bertujuan untuk menganalisis pola kesopanan berbahasa berdasarkan kombinasi Prinsip Kesopanan (PS) Leech (1983) dan Prinsip Kerjasama (PK) Grice (1975) dalam karya persuratan *Melati Sarawak* dengan memberikan fokus terhadap analisis konteks.

2. Sorotan Literatur

Sarjana dalam bidang pragmatik di Barat yang memberi perhatian terhadap aspek kesantunan telah mengemukakan konsep, peraturan, strategi dan prinsip sebagai kaedah dan panduan bagi mengawal perbualan agar memperlihatkan kesopanan. Goffman (1955) telah mengemukakan konsep "muka" yang wajar diberi perhatian bagi mendapatkan penghormatan daripada pihak lain semasa komunikasi berlangsung. Konsep muka ini telah diperluas dan ditambah baik oleh Brown & Levinson (1987) dengan mengemukakan konsep "muka" yang berbeza dengan konsep "air muka" dalam masyarakat Timur. Konsep "muka" Brown & Levinson bertujuan semata-mata menjaga kehendak "muka" sebagaimana usulan konsep muka positif dan muka negatif dalam gagasan mereka. Sesuai dengan konsep "muka", pengaplikasian model ini lebih tepat untuk bentuk komunikasi yang berasaskan kritikan, misalnya bual bicara dan penjurian sebaliknya kurang sesuai diaplikasikan dalam bahan yang bersifat didaktik. Lakoff (1975) pula memberikan tumpuan terhadap tiga peraturan yang memberatkan keuntungan kepada pendengar semata-mata sehingga penutur terpaksa mengujarkan sesuatu dengan berhati-hati bagi keselesaan pendengar. Zaitul Azma Zainon Hamzah (2012a: 73) berpendapat bahawa model ini hanya tertumpu pada kepentingan pendengar dan bersifat egosentrik kerana penutur perlu melakukan apa-apa sahaja demi keselesaan pendengar. Sementara Grice (1975) pula mengetengahkan Prinsip Kerjasama agar

perbualan menjadi lancar dan bermakna apabila semua pihak bekerjasama. Model Grice terlalu ideal dan memiliki kekurangannya. Misalnya, seseorang yang cenderung mengemukakan maklumat yang berlebihan, sudah tentu sukar untuk mematuhi Maksim Kuantiti Grice. Lanjutan itu, Leech (1983) dalam model kesopanannya menambah baik model Grice dengan memasukkan unsur budaya dan mementingkan konteks dalam memaparkan kesopanan sehingga dapat mencerminkan adab dalam berkomunikasi dan menamakannya Prinsip Kesopanan.

Noriati A. Rashid (2013) telah membuat kajian tentang majlis pertunangan untuk memperlihat dan memperinci kehalusan serta ketertiban budaya sopan dalam masyarakat Melayu ketika majlis pertunangan berlangsung. Kajian ini menggunakan input Islam menerusi 36 strategi yang telah dibina dengan mengambil kira faktor hubungan manusia dengan Allah bagi pembinaan strategi sopan. Kajian ini mendapati bahawa Islam memberi pengaruh yang kuat terhadap strategi berbahasa orang Melayu apabila nilai-nilai Islam itu dipraktikkan dalam pertuturan orang Melayu ketika dalam majlis pertunangan.

Kesopanan berbahasa turut menyerlah dalam teks ceramah motivasi kerana fungsi ceramah motivasi adalah untuk menasihati dan memberikan semangat agar seseorang dapat mencapai kejayaan dalam kehidupan. Perkara ini telah dikaji oleh Abdul Ganing Laengkang (2010) dalam kajian sarjananya yang bertajuk Kesantunan Berbahasa dalam Ceramah Motivasi. Pengkaji ini telah menggunakan kerangka Kesantunan Pindaan dan Tambahan yang ditunjangi tiga kerangka model, iaitu Prinsip Kerjasama Grice (1975), Model Kesantunan Paling Luas (KPL) yang diperkenalkan oleh Sanat Md. Nasir (2000) dan Model Kesantunan Noriati A.Rashid (2003). Dapatan kajian menunjukkan bahawa penceramah menggunakan tujuh kategori kesantunan, termasuklah Kategori Kuantiti, Kategori Rujukan Sumber, Kategori Relevan, Kategori Cara, Kategori Ungkapan Rabbani, Kategori Penghargaan dan Kategori Berhemah. Kajian ini mendapati Kategori Cara dan Kategori Relevan dipatuhi semua unit kerana semua maklumat adalah berkaitan dalam ceramah dan disampaikan dengan jelas. Kajian ini menunjukkan bahawa Kerangka Pindahan dan Tambahan berjaya merungkai kesopanan bahasa dalam teks ceramah motivasi. Nurul Jamilah Rosly (2010), mengkaji kesopanan berbahasa dalam bahan Komsas melalui tesis sarjananya yang bertajuk Kesantunan Berbahasa dalam Novel *Julia*: Satu Analisis Lakuan Bahasa Maaf Berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech (1983). Berdasarkan kajian, didapati 13 data perbualan dalam novel *Julia* yang menepati objektif kajian namun data perbualan yang mematuhi Maksim Santun dan Maksim Kerendahan Hati dalam lakuan bahasa maaf adalah tidak sekata dalam setiap bab. Penggunaan Maksim Santun banyak ditemukan dalam novel Julia dan kebanyakan maksim ini diperoleh dalam perbualan yang bertujuan menasihati, melarang, mempelawa, meminta dan menghulurkan pertolongan. Perlakuan dalam maksim ini dipatuhi dengan memaksimumkan manfaat kepada orang lain. Tambahan pula, kebanyakan watak khasnya watak utama menggunakan ungkapan maaf bagi mempamerkan kesopanan berbahasa. Hasil dapatan juga mendapati ada dua pola maaf yang digunakan iaitu IFIDS dan IFIDS + Strategi sebagai penanda kesopanan berbahasa.

Sehubungan itu, Noor Hatini Zolkifli & Siti Saniah (2011), telah membuat kajian yang bertajuk “Unsur Eufemisme dalam novel Papa dan Azfa Hanani”. Novel ini digunakan oleh murid-murid di Zon 1 dan Zon 2 mulai tahun 2010. Dapatan kajian menunjukkan novel Azfa Hanani

lebih banyak menggunakan unsur eufemisme, iaitu sebanyak 36 (52.1%) manakala novel Papa dengan jumlah sebanyak 27 (47.9%). Dapatan kajian ini memberikan gambaran bahawa unsur eufemisme harus diberikan perhatian oleh guru kerana unsur ini memanifestasikan bahasa halus yang sesuai diterapkan dengan peringkat umur murid di sekolah menengah. Penggunaan eufemisme dapat melahirkan remaja dan masyarakat yang mengutamakan kesopanan dalam berbahasa dan membudayakannya agar tidak dicemari ledakan arus globalisasi pada dewasa ini. Implikasinya, kajian ini dapat memberikan pendedahan tentang penggunaan bahasa halus kepada remaja sekolah sekali gus mempraktikkannya dalam pergaulan dan kehidupan mereka. Sara Beden & Indirawati Zahid (2014) dalam kajian kesantunan dalam novel *Melunas Rindu* menegaskan bahawa aspek kesopanan berbahasa bukan sahaja signifikan dalam penggunaan bahasa yang bersifat lisan semata-mata malahan memainkan peranan yang penting dalam penggunaan bahasa yang bersifat tulisan. Sejajar dengan penegasan tersebut, didapati sesebuah karya sastera memiliki keistimewaan sebagai medium perantara antara khalayak pembaca dengan pengarang. Sesebuah karya sastera yang bermutu merupakan cerminan daya keintelektualan dan pemikiran pengarang hasil daripada luahan kawah kreativiti, imaginasi, ilusi dan intuisi yang dimilikinya. Sehubungan itu, karya persuratan moden seperti cerpen, sajak, drama dan novel turut menyuguh dan memberikan penekanan terhadap aspek kesopanan berbahasa. Perkara ini membuktikan bahawa sesebuah karya sastera memiliki keistimewaannya. Keistimewaan ini sejajar dengan buah fikiran Teo Kok Seong (2009) yang memperkatakan soal keistimewaaan bidang sastera yang boleh dipaparkan dalam pelbagai bentuk dan laras bahasa termasuklah yang sopan, kasar, kesat, dialek, bahasa pasar dan slanga yang wujud dalam karya sastera. Tambah beliau lagi, bentuk dan laras ini pula diperlihatkan dalam bentuk dialog dan monolog dengan pelbagai tujuan misalnya untuk menimbulkan kesan dramatik. Selaras dengan pandangan ini dapat diperjelas bahawa sesebuah karya sastera memiliki keisimewaan tersendiri dalam menghidangkan mesej kepada khalayak termasuklah mementingkan aspek kesopanan berdasarkan dialog antara watak. Ekoran itu, khalayak mendapat pendedahan tentang penggunaan bahasa yang memiliki ciri-ciri kesopanan.

Berdasarkan perbincangan, jelaslah bahawa bahan sastera amat sarat dengan nilai kesopanan. *Novel Melati Sarawak* digunakan sebagai data kajian atas faktor belum pernah diteliti dari aspek penggunaan konteksnya yang menjurus kepada pematuhan terhadap aspek kesopanan. Nordi Achie (1999) dalam penulisannya, iaitu *Pemikiran Rakawi Yusuf dengan Rujukan Khusus Terhadap Novel Melati Sarawak* menyatakan bahawa terdapat amalan budaya masyarakat Melayu Sarawak yang menyuburkan keruntuhan moral dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak. Hal ini dibuktikan dengan pengamalan budaya seperti bergendang dan bermukun yang membuka ruang kepada pergaulan antara lelaki dan perempuan sehingga boleh menimbulkan fitnah dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak. Garapan pandangan kritis Nordi Achie tidak dapat disangkal kerana paparan keruntuhan moral muda-mudi tergambar menerusi watak-watak tertentu dalam novel ini apabila mereka dibelenggu keasyikan dengan hiburan dalam majlis bergendang atau gendang perempuan. Walaupun kritikan biasanya dihubung kait dengan aspek yang negatif namun seseorang pengarang yang prolifik pada zamannya, tidak akan meminggirkan aspek kesopanan berbahasa sebagai gagasan untuk mendidik masyarakat. Isu kesopanan pula merupakan isu sejagat yang tidak pernah selesai malahan menjadi isu hangat dalam media sosial. Oleh itu, makalah ini akan menganalisis aspek kesopanan menerusi pola kesopanan bahasa dengan memberikan fokus kepada analisis konteks dalam novel *Melati Sarawak.*

3. Metodologi dan Kerangka Teoretis

Makalah ini menggunakan karya persuratan *Melati Sarawak* (1987) yang merupakan naskhah novel terawal di Sarawak. Novel *Melati Sarawak* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1987 telah dihasilkan oleh sasterawan Sarawak, iaitu Muhamad Rakawi Yusuf pada tahun 1932. Karya persuratan moden ini memaparkan kritikan terhadap budaya bergendang atau bermukun dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Budaya bergendang atau dikenali sebagai "gendang perempuan" dalam novel ini merupakan sumber hiburan masyarakat pada latar masa berkenaan. Walau bagaimanapun, pengarang menyampaikan idea dan kritikan bahawa ketaksuban kepada budaya hiburan ini tidak memberikan manfaat malahan mengundang kealpaan dalam kalangan mudi-mudi. Lazimnya, kritikan dihubung kait dengan perkara yang negatif namun seseorang pengarang yang prolifik pada zamannya, tidak akan meminggirkan nilai-nilai mulia dan luhur sebagai gagasan untuk mendidik masyarakat. Perbincangan dalam makalah ini dibataskan dengan menggunakan data dalam Bahagian 1 novel ini sebagaimana dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Data kajian

Novel/ Bahagian	Bil & Peristiwa	Peristiwa bahasa	Jumlah dialog
1	1	Yasin datang ke rumah Harun	9
	2	Harun membeli kulit kambing kering	7
	3	Perbincangan majlis bergendang	8
	4	Yasin meminta diri untuk balik	7
		Jumlah	31

Berdasarkan Jadual 1, empat peristiwa bahasa dalam Bahagian 1 novel ini digunakan dalam analisis dengan menggunakan PS Leech (1983) dan PK Grice (1975).

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks dan kuantitatif. Kaedah kepustakaan melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan-bahan ilmiah sebagai sumber rujukan. Analisis teks melibatkan penelitian terhadap dialog watak utama dan watak sampingan khususnya dalam Bahagian 1 novel ini. Watak sampingan, iaitu Yasin telah dipilih atas faktor watak ini lebih dominan jumlah dialognya. Pengkategorian dibuat dengan memilih dialog yang diujarkan oleh watak utama, iaitu Harun dan watak sampingannya, iaitu Yasin. Sebelum proses analisis dan pengklasifikasian pola-pola kombinasi maksim, dialog-dialog tersebut dikeluarkan dan melalui proses pelabelan atau pengekodan. Data dikod berdasarkan tajuk buku, bab (jumlah halaman dalam satu-satu bab), nama watak yang melafazkan dialog, halaman dan nombor dialog mengikut urutan dalam sesebuah bab. Misalnya, MS-B1(9)-Y-H6-D1/5. MS bermaksud *Melati Sarawak*, B1(9) bermakna Bab 1 dan angka 9 dalam kurungan merujuk kepada jumlah halaman dalam Bab 1, singkatan Y bagi nama watak yang mengujarkan dialog, iaitu Yasin, H6 ialah halaman 6 dan D1/5 pula ialah dialog 1 daripada 5 dialog yang dilafazkan oleh watak Yasin dalam

Bab 1. Pengekodan dilakukan adalah untuk memudahkan proses pengenalpastian data analisis. Kajian ini menggunakan 31 dialog berdasarkan empat peristiwa dalam bahagian 1 novel *Melati Sarawak*. Jumlah 31 dialog dalam kajian ini bukanlah jumlah mutlak kerana dalam kajian ini dialog merujuk kepada satu ayat atau melebihi jumlah satu ayat. Kaedah kuantitatif dalam kajian ini hanya melibatkan hitungan peratusan dari segi jumlah dialog yang digunakan dalam pola-pola berkenaan.

Seterusnya, dialog diklasifikasikan berdasarkan peristiwa bahasa sebelum dianalisis. Peristiwa bahasa menurut Muriel Saville-Troike (1991: 30) merujuk kepada satu set komponen yang seragam, dimulai tujuan umum, topik umum yang sama, melibatkan peserta yang sama, peraturan interaksi yang sama dan latar yang sama. Peristiwa berakhir apabila berlaku perubahan pada peranan dan fokus perhatian. Jika tidak berlaku sedemikian, maka garis sempadan antara peristiwa ditandai jarak masa kesenyapan. Ringkasnya, peristiwa bahasa dalam kajian ini turut merujuk pada konsep yang sama, iaitu ada topik, latar, peserta serta ditandai kesenyapan selain mengandungi dialog antara watak utama dan satu watak sampingan yang telah melalui proses pelabelan. Dalam kajian ini, perkataan peristiwa turut digunakan untuk merujuk kepada peristiwa bahasa.

Kajian ini mengaplikasikan kombinasi dua model kesopanan, iaitu PS Leech (1983) dan PK Grice (1975). Leech telah mengetengahkan enam maksim, iaitu Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan dan Simpati sementara Grice pula mengutarakan empat maksim, iaitu Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara. Kedua-dua model kesopanan ini digabungkan sebagai landasan analisis dalam kajian ini setelah mengambil kira faktor keupayaan maksim-maksim dalam PS Leech (1983) tidak sepenuhnya dapat dipadankan dengan korpus kajian dan memerlukan kombinasi maksim Grice dalam kasus tertentu. Gagasan kerjasama dalam PK Grice (1975) didapati relevan untuk dikombinasikan dengan PS Leech (1983) bagi menganalisis data yang berbentuk didaktik seperti genre novel. Yong Suet Ping (1997) berpendapat bahawa model Grice memudahkan kerjasama dalam komunikasi antara penutur dan pendengar untuk menghasilkan komunikasi yang harmonis selain menghaluskan proses komunikasi. Gagasan Leech yang mengutamakan adab dan gagasan Grice yang mementingkan kerjasama sebagai panduan dalam berkomunikasi berupaya menzahirkan kesopanan berbahasa secara komprehensif selain melancarkan komunikasi. Tambahan pula dalam konteks kajian ini, data dianalisis berdasarkan konteks peristiwa bahasa bukannya berdasarkan satu ayat. Oleh itu, didapati penutur atau watak lebih cenderung untuk menggunakan pelbagai maksim agar dapat memperlihatkan kesopanan sekali gus mencapai objektif komunikasi. Sara Beden & Indirawati Zahid (2016) telah menegaskan bahawa kombinasi kedua-dua model ini bukanlah berlaku secara sewenang-wenangnya, sebaliknya atas faktor kerelevanan dan kesesuaiannya dengan data atau peristiwa bahasa yang dianalisis. Kombinasi kedua-dua model ini telah membentuk model yang baharu, iaitu Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU). Pembentukan MPKMU ini berasaskan pengaplikasian tiga prinsip, iaitu hampir sama, ekonomis dan tepat. Justeru, terdapat enam pola kombinasi maksim dalam MPKMU ini. Ringkasnya, MPKMU ini terdapat dalam Jadual 2 berikut :

Jadual 2 : Model Pola Kombinasi Maksim Umum

Pola	Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU)
Pola 1	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6 PS + 4 PK)
Pola 2	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Kualiti + Relevan (5 PS+3 PK)
Pola 3	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Kuantiti + Kualiti (4 PS+2 PK)
Pola 4	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kuantiti (3 PS+1 PK)
Pola 5	Kebijaksanaan + Kedermawanan (2 PS)
Pola 6	Kebijaksanaan (1 PS)

PS (Prinsip Kesopanan Leech) *PK (Prinsip Kerjasama Grice)*

Berdasarkan Jadual 2, terdapat enam pola kombinasi maksim, iaitu Pola 1 : 6 PS + 4 PK; Pola 2 : 5 PS + 3 PK; Pola 3 : 4 PS + 2 PK; Pola 4 : 3PS + 1 PK; Pola 5 : 2 PS dan Pola 6 : 1 PS yang terbentuk dalam MPKMU. Model ini akan digunakan untuk menganalisis data-data kajian. Empat peristiwa yang digunakan dalam analisis akan diklasifikasikan dalam pola-pola berkenaan berdasarkan prinsip-prinsip yang bertepatan dengan pola kombinasi maksim yang terbentuk.

Analisis dilakukan dengan mengenal pasti unsur-unsur bahasa yang digunakan dalam dialog antara watak berdasarkan peristiwa bahasa dengan memberikan fokus terhadap penggunaan kata, ungkapan dan ayat yang bersesuaian dengan padanan maksim-maksim dalam PS Leech dan PK Grice dalam proses pengklasifikasiannya. Seterusnya, dapatan pengklasifikasian pola ini dianalisis penggunaannya bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhinya. Unsur-unsur bahasa yang digunakan akan memperlihatkan sama ada pemilihan dan penggunaannya relevan atau serasi bagi memenuhi kecukupan dan kelengkapan maklumat dalam konteks setiap peristiwa yang dianalisis.

Konsep Operasional

Kajian ini menggunakan beberapa konsep operasional seperti konteks, pradata, pascadata dan signifikan.

Konteks

Konteks dalam Halliday & Hassan (1989) ialah " with our general topic, we shall be focusing on the special area of what in linguistics is referred to as a text; but always with emphasis on the situation, as the context in which texts unfold and in which they are to be interpeted" (p.5). Inti pati definisi tersebut menyimpulkan bahawa secara umumnya dalam linguistik disebut sebagai teks tetapi penekanan terhadap situasi maka dirujuk sebagai konteks seperti yang terungkap dalam teks dan memerlukan intepretasi. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini pula konteks

difokuskan kepada satu perenggan sebelum dan satu perenggan selepas peristiwa yang dirujuk dalam teks jika didapati relevan dan berkesinambungan dengan data. Sekiranya berlaku kasus sebaliknya, maka dua ayat sebelum dan dua ayat selepas peristiwa dalam teks yang dirujuk akan diambil kira sebagai konteks.

Pradata
Pradata (maklumat lama) dalam kajian ini merujuk kepada kewujudan penyediaan konteks sebelum data atau peristiwa bahasa yang dirujuk.

Pascadata
Pascadata (maklumat baharu) dalam kajian ini merujuk kepada kewujudan penyediaan konteks selepas data atau peristiwa bahasa yang dirujuk.

Signifikan
Signifikan dalam kajian ini merujuk kepada analisis konteks yang memberikan impak atau kesan kepada penggunaan jumlah dialog dalam peristiwa bahasa sama ada berdasarkan kewujudan konteks pradata sahaja atau pascadata sahaja atau gabungan pra dan pascadata.

4. Analisis dan Perbincangan

Pengklasifikasian yang dilakukan terhadap data berdasarkan empat peristiwa bahasa yang terdapat dalam Bahagian 1 novel *Melati Sarawak* berlandaskan MPKMU terdapat dalam Jadual 3 berikut.

Jadual 3 : Klasifikasi Data

Pola	Pola Kombinasi Maksim	Peristiwa bahasa	Jumlah peristiwa	Jumlah dialog	Peratus
Pola 1	(6 PS + 4 PK)	1, 2, & 3	3	24	77.4
Pola 2	(5 PS+3 PK)	-			
Pola 3	(4 PS+2 PK)	4	1	7	22.6
Pola 4	(3 PS+1 PK)	-			
Pola 5	(2 PS)	-			
Pola 6	(1 PS)	-			
	Jumlah			31	100

Berdasarkan Jadual 3, berdasarkan pengklasifikasian terhadap empat peristiwa bahasa, berlandaskan MPKMU, menunjukkan penggunaan dua pola kombinasi maksim, iaitu Pola 1 (6 PS + 4 PK) dan Pola 3 (4 PS+2 PK). Pengklasifikasian tidak menunjukkan pematuhan terhadap

pengaplikasian pola-pola yang lain. Berdasarkan pengklasifikasian dan penggunaan pola kombinasi maksim, didapati tiga peristiwa, peristiwa 1, 2 dan 3 diklasifikasikan dalam Pola 1 (6 PS + 4 PK) yang diwakili 24 dialog manakala satu peristiwa diklasifikasikan dalam Pola 3 (4 PS+2 PK) yang diwakili 7 dialog. Seterusnya, penggunaan pola kombinasi maksim secara terperinci terdapat dalam Jadual 4 berikut.

Jadual 4: Analisis Penggunaan Pola Kombinasi Maksim

Pola	Peristiwa bahasa	Pola Kombinasi Maksim	Jumlah dialog		Peratus
Pola 1 (6 PS + 4 PK)	1	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kuantiti + Cara (penjelasan)	9	24	77.4
	2	Kebijaksanaan + Sokongan + Kualiti + Cara (penjelasan)	7		
	3	Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (susunan tertib dan penjelasan)	8		
Pola 3 (4 PS+2 PK)	4	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati	7		22.6
Jumlah			31		100

Berdasarkan Jadual 4, didapati Pola 1 memperlihatkan penggunaan pola yang tertinggi, iaitu sebanyak 77.4 peratus manakala Pola 3 paling rendah penggunaannya, iaitu sebanyak 22.6 peratus. Tiga peristiwa (1, 2 & 3) diklasifikasikan dalam Pola 1 kerana mematuhi pengaplikasian prinsip hampir sama, iaitu pola-pola yang terbentuk hasil daripada analisis, khasnya bagi pola kombinasi maksim yang ada mengandungi aturan gabungan maksim salah satu sama ada Maksim Simpati atau Maksim Cara atau kedua-duanya selain maksim yang lain maka diklasifikasikan dalam Pola 1. Peristiwa 1, 2 dan 3 mempunyai aturan gabungan Maksim Cara sebagaimana dalam jadual 2, sekali gus diklasifikasikan dalam Pola 1. Pola 1 memperlihatkan penggunaan yang tertinggi bertitik tolak atas faktor Pola 1 merupakan kombinasi maksim yang sempurna atau penuh bagi kedua-dua model Leech dan Grice. Dapatan ini menunjukkan bahawa penutur sentiasa memberikan perhatian dan penekanan terhadap kesopanan berbahasa menerusi penggunaan maksim yang pelbagai. Kepelbagaian maksim yang digunakan dalam berkomunikasi menyiratkan bahawa semakin tinggi gambaran kesopanannya. Sementara, satu peristiwa, iaitu peristiwa 4 diklasifikasikan dalam Pola 3 kerana mematuhi prinsip ekonomis atau ringkas. Pola kombinasi maksim yang memenuhi sekurang-kurangnya tiga cakupan maksim yang terdapat dalam Pola 3, maka diklasifikasikan dalam Pola 3. Peristiwa 4 ini mematuhi kriteria prinsip ekonomis dalam Pola 3 kerana memenuhi cakupan empat maksim dalam Pola 3, iaitu Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan dan Kerendahan Hati.

Seterusnya, merupakan analisis penggunaan pola kombinasi maksim berdasarkan MPKMU yang melibatkan penggunaan jumlah maksim dan jumlah dialog dalam setiap peristiwa Pola 1 dan seterusnya Pola 3. Penggunaan jumlah maksim dan dialog dalam Pola 1, 6 PS + 4 PK terdapat dalam jadual 5 berikut.

Jadual 5 : Pola 1, 6 PS + 4 PK - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Jumlah Dialog

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 1 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6 PS + 4 PK)	
		Penggunaan Jumlah Maksim	Jumlah Dialog
1	1	5	9
2	2	4	7
3	3	3	8

Berdasarkan Jadual 5, didapati penggunaan jumlah maksim dan jumlah dialog dalam ketiga-tiga peristiwa yang mematuhi Pola 1 menunjukkan perbezaan dari segi penggunaan jumlah maksim dan jumlah dialog. Peristiwa 1, menggunakan lima maksim dengan jumlah sembilan dialog. Peristiwa 2 pula menggunakan empat maksim dengan jumlah tujuh dialog manakala peristiwa 3 pula menggunakan tiga maksim dengan jumlah lapan dialog. Walaupun ketiga-tiga peristiwa ini diklasifikasikan dalam pola yang sama tetapi penggunaan jumlah maksim dan dialognya memperlihatkan perbezaan atau kepelbagaian. Perbezaan dari segi penggunaan jumlah maksim dan dialog ini berlaku bertitik tolak atas faktor konteks. Oleh itu, analisis konteks dilakukan terhadap ketiga-tiga peristiwa tersebut.

Analisis Konteks Peristiwa Bahasa Pola 1 (6 PS + 4 PK)

Analisis konteks dalam makalah ini merujuk kepada satu perenggan pradata dan pascadata. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kasus konteks yang tidak relevan, maka dua ayat pradata dan dua ayat pascadata akan diambil kira. Analisis konteks disusun berdasar urutan tiga peristiwa bahasa yang mematuhi Pola 1, iaitu peristiwa 1, 2 dan 3. Analisis konteks dalam peristiwa 1 terdapat dalam jadual 6 berikut.

Jadual 6 : Analisis Konteks Peristiwa 1

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
1 Yasin datang ke rumah Harun	**Konteks Tidak Relevan** Didalam keadaannya yang angket angkeh dan serba salah itu kedengaran bunyi ‘pum-pum-pum’ sebuah motosikal berhenti betul-betul di hadapan rumah. Sebentar lagi kedengaranlah bunyi suara orang berteriak demikian. (halaman 2).	Konteks pradata ini tidak memberikan maklumat tentang peristiwa yang akan berlaku dan Harun tidak tahu bahawa Yasin yang datang dan hanya tahu bahawa ada motosikal yang berhenti di halaman rumahnya.
	Data: (halaman 2-4) Ayat Mula : “Cousin! Hello cousin! Tak mau kah pergi membeli kulit kambing kering? Ayat Akhir : “Lagipun apabila mereka menulis report tuan kepalanya tidak dapat mengerti apa yang ditulisnya kerana adalah instruction dari	**Inti Pati** (i)Pertanyaan Yasin tentang kesudian Harun untuk membeli kulit kambing kering. (ii)Pertanyaan Yasin tentang punca kemuraman wajah Harun dan kesanggupan Yasin

	kepala-kepala itu dengan bahasa Inggeris belaka". (Lampiran 1)	membantunya. (iii)Pertanyaan Harun tentang ketiadaan Yasin (iv)Yasin memberitahu bahawa dia menjalankan urusan kerja di Rembongan. (v) Yasin terpaksa pergi kerana pihak bawahannya bermasalah dalam membuat laporan.
	Konteks Relevan Tentang ini si Harun pun mengeluh dan bangkit hendak mengadakan perbahasan yang panjang di dalam hal pelajaran dan mutu anak-anak Melayu kita itu tetapi oleh Si Yasin tiadalah diberinya. Maka Si Harun pun meneruskanlah akan pertanyaan Yasin dalam perkara yang pertama (halaman 4).	Konteks pascadata ini relevan kerana berkesinambungan dengan maklumat terakhir dalam data. Pandangan dalam fikiran Harun berlegar hendak berbahas tentang isu anak Melayu yang tidak memiliki pelajaran yang tinggi. Maklumat ini berkaitan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yasin dalam data tentang kelemahan anak Melayu membuat laporan.

Jadual 6 memaparkan analisis konteks peristiwa 1, iaitu peristiwa Yasin datang ke rumah Harun yang menggunakan 9 dialog. Berdasarkan analisis, didapati tidak ada penyediaan konteks pradata sebelum peristiwa 1 ini, iaitu tidak ada gambaran maklumat bahawa Yasin yang datang ke rumah Harun walaupun Harun mendengar bahawa ada orang yang datang. Konteks pradata ini tidak relevan kerana konteks ini memperkatakan gambaran tentang kedatangan seseorang menerusi bunyi motosikal yang berhenti di hadapan rumah, tidak semestinya Yasin yang datang. Inti pati data dalam peristiwa ini pula tentang pertanyaan Yasin tentang kesudian Harun untuk pergi ke majlis bergendang (membeli kulit kambing kering), pertanyaan Yasin tentang punca kemuraman wajah Harun dan kesanggupan Yasin membantunya. Inti pati data juga merangkumi pertanyaan Harun tentang ketiadaan Yasin, maklumat daripada Yasin bahawa dia menjalankan urusan kerja di Rembongan dan punca-punca Yasin terpaksa pergi kerana pihak bawahannya bermasalah dalam membuat laporan. Walau bagaimanapun, didapati peristiwa ini mempunyai kesinambungan maklumat dengan konteks pascadata, iaitu maklumat ini menggambarkan pandangan yang berlegar dalam fikiran Harun yang hendak berbahas tentang isu anak Melayu yang tidak memiliki pelajaran yang tinggi. Maklumat ini berkaitan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yasin dalam data tentang kelemahan anak Melayu membuat laporan. Walaupun konteks pradata tidak relevan namun penyediaan konteks pascadata dapat melengkapkan maklumat yang sepatutnya dalam peristiwa ini. Penyediaan konteks pascadata didapati signifikan kerana membantu melengkapkan maklumat dalam peristiwa ini selain memperlihatkan kesesuaian penggunaan dan pemilihan unsur-unsur bahasa dalam peristiwa ini dengan jumlah 9 dialog. Maklumat yang disampaikan dapat dicerna, jelas dan lengkap sehingga objektif komunikasi tercapai.

Seterusnya, merupakan analisis konteks peristiwa 2, iaitu peristiwa Harun membeli kulit kambing kering. Analisis ini terdapat dalam jadual 7 berikut.

Jadual 7: Analisis Konteks Peristiwa 2

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
2 Harun membeli kulit kambing kering	**Konteks Tidak Relevan** "Itu sebenarnya-tetapi land inspector tiada dapat menyelesaikannya, maklumlah semuanya berpelajaran rendah jadi tiada mengerti apa yang diperintah kepalanya. Lagipun apabila mereka menulis report tuan kepalanya tidak dapat mengerti apa yang ditulisnya kerana adalah instruction dari kepala-kepala itu dengan bahasa Inggeris belaka". (halaman 4).	Konteks ini tidak memberikan maklumat yang relevan dengan data kerana maklumat dalam konteks pradata berkisar tentang tugas dan masalah orang bawahan membuat laporan.
	Data: (hal.4-6) Ayat Mula :Dua-dua malam yang *cousin* tidak di rumah aku sudah pergi membeli kulit kambing kering dan malam semalam aku merasai lemas dikelubungi kulit kambing kering itu hingga beberapa minit lamanya aku tidak bernafas. Ayat Akhir : Cubalah *cousin* bilang apa yang *cousin* kata racun tiga titik itu tadi!" (Lampiran 2)	**Inti Pati** (i)Harun berterus-terang tentang masalah yang membelenggunya. (ii)Harun berpendapat bahawa gendang perempuan meruntuhkan akhlak muda-mudi (iii)Pujian Harun tentang kepandaian Melati bergendang seperti "Queen of Sheeba" (iv)Perbincangan tentang keburukan atau kesan acara gendang perempuan ke atas golongan wanita, lelaki dan rumah tangga. (v) Yasin meminta agar mereka tidak berbincang tentang gendang perempuan lagi dan meminta Harun bercerita tentang "racun tiga titik".
	Konteks Relevan Bangkitlah Si Harun daripada duduknya lalu menarik laci meja tulis dan diambilnya keluar pocket diarynya yakni sebuah buku yang kecil selalu ada di dalam pocket dibawa berjalan-jalan buat mengutip apa-apa yang dijumpa yang patut dikutip lalu dibuka-buka dan ditunjuk kepada Yasin. Disambut oleh Yasin akan buku kecil itu sambil direnungnya akan isi dan komat-kamitlah rupa bibirnya (halaman 6).	Konteks ini relevan kerana maklumat ini berkesinambungan dengan maklumat terakhir dalam data. Konteks pascadata ini menggambarkan reaksi Harun yang memberikan diarinya supaya dibaca oleh Yasin bagi menjawab persoalan yang dilontarkan oleh Yasin. Yasin membaca diari tersebut dengan minat yang tinggi.

Jadual 7 memaparkan analisis konteks peristiwa 2, iaitu peristiwa Harun membeli kulit kambing kering yang menggunakan 7 dialog. Berdasarkan analisis, didapati tidak ada penyediaan konteks pradata sebelum peristiwa 2 ini, iaitu konteksnya tidak relevan. Konteks pradata ini tidak menggambarkan maklumat dalam data. Konteks pradata berkisar tentang tugas dan masalah orang bawahan membuat laporan sehingga Yasin terpaksa bertanggungjawab. Inti pati dalam data bagi peristiwa 2 ini pula tentang Harun berterus-terang terhadap masalah yang membelenggunya, kesan gendang perempuan yang meruntuhkan akhlak muda-mudi, pujian Harun tentang kepandaian Melati bergendang seperti "Queen of Sheeba", perbincangan tentang keburukan atau kesan acara gendang perempuan ke atas golongan wanita, lelaki dan rumah tangga, permintaan Yasin agar mereka tidak berbincang tentang gendang perempuan lagi dan meminta Harun bercerita tentang "racun tiga titik". Walau bagaimanapun, berdasarkan analisis didapati bahawa konteks pascadata dalam peristiwa 2 ini relevan kerana maklumat ini berkesinambungan dengan maklumat terakhir dalam data. Konteks pascadata ini menggambarkan reaksi Harun yang memberikan diarinya supaya dibaca oleh Yasin bagi menjawab persoalan yang dilontarkan oleh Yasin tentang masalah yang membelenggunya. Walaupun Harun tidak menjawab secara langsung tetapi reaksi Harun memberikan diari kepada Yasin memperjelas bahawa maklumat yang dikehendaki Yasin terdapat dalam diari tersebut apabila Yasin berminat membacanya. Walaupun hanya memperlihatkan penyediaan konteks pascadata namun kesesuaian penggunaan dan pemilihan unsur-unsur bahasa yang digunakan dalam peristiwa ini dengan jumlah 7 dialog dapat melengkapkan maklumat dalam peristiwa ini. Oleh itu, penyediaan konteks didapati signifikan kerana membantu menyempurnakan maklumat dalam peristiwa ini. Maklumat yang disampaikan dengan lengkap membolehkan objektif komunikasi tercapai.

Seterusnya, merupakan analisis konteks peristiwa 3, iaitu peristiwa perbincangan majlis bergendang. Analisis ini terdapat dalam jadual 8 berikut.

Jadual 8: Analisis Konteks Peristiwa 3

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
3 Perbincangan majlis bergendang.	**Konteks Relevan** (i)Harun memberikan diarinya untuk dibaca oleh Yasin. (ii)Yasin menyambut diari tersebut dan membacanya. (iii)Yasin ketawa kerana sangat geli hati selepas membacanya. (halaman 6).	Konteks ini relevan kerana maklumat pradata ini memberikan gambaran terhadap perkara yang dibincangkan dalam data. Yasin ketawa setelah membaca diari Harun kerana geli hati.
	Data: (6-8) Ayat Mula : "Apa cousin ketawakan?" Ayat Akhir : "Dan bukannya dalam perkara	**Inti Pati** (i)Yasin ketawa dengan tindakan Harun yang menulis pantun dalam diari. (ii)Yasin memberi pandangannya

	asyik maksyuk saja bahkan didalam beberapa perkara yang lain”. (Lampiran 3)	bahawa gendang perempuan merupakan budaya dalam masyarakat dan diadakan untuk memeriahkan majlis perkahwinan dan untuk meraikan sesuatu. (iii)Yasin menegur pantun yang tidak senonoh disampaikan oleh golongan wanita yang boleh menyebabkan penonton berkecil hati. Daya penarik penonton datang disebabkan gendang itu jika tidak, tiada keramaian. (iv)Harun setuju dengan Yasin tetapi menekankan bahawa pengaruh lirik-lirik pantun itu mendatangkan berahi. (v) Pantun telah digunakan sejak dahulu lagi untuk meluahkan isi hati dan untuk perkara-perkara yang lain.
	Konteks Tidak Relevan “Maaf dahulu cousin! Memadailah had ini” (halaman 8)	Konteks ini tidak relevan kerana tidak berkesinambungan dengan data. Yasin meminta maaf kerana hendak balik dan memohon agar perbincangan mereka cukup sampai di situ. Yasin

Jadual 8 memaparkan analisis konteks peristiwa 3, iaitu peristiwa perbincangan majlis bergendang yang menggunakan 8 dialog. Berdasarkan analisis, didapati penyediaan konteks pradata sebelum peristiwa 3 ini relevan dengan data. Konteks pradata memberikan gambaran maklumat dalam data, apabila Yasin ketawa kerana sangat geli hati selepas membaca diari Harun sehingga membawa kepada pertanyaan Harun sebagaimana dalam data. Inti pati data berkisar tentang Yasin ketawa dengan tindakan Harun yang menulis pantun dalam diari, selain pandangannya bahawa gendang perempuan merupakan budaya dalam masyarakat dan diadakan untuk memeriahkan majlis perkahwinan dan meraikan sesuatu. Inti pati data turut merangkumi teguran Yasin bahawa pantun yang tidak senonoh disampaikan oleh golongan wanita boleh menyebabkan penonton berkecil hati sedangkan penonton datang disebabkan gendang itu jika tidak tiada keramaian dan persetujuan Harun dengan pandangan Yasin tetapi menekankan bahawa pengaruh lirik-lirik pantun itu mendatangkan berahi. Dalam inti pati data ini juga, kedua-duanya bersetuju bahawa pantun telah berfungsi sejak dahulu lagi untuk meluahkan isi hati dan memenuhi perkara-perkara yang lain. Walau bagaimanapun, didapati peristiwa ini tidak mempunyai kesinambungan maklumat dengan konteks pascadata. Konteks pascadata ini tidak relevan kerana tidak berkesinambungan dengan inti pati data. Yasin meminta maaf kerana hendak balik dan memohon agar perbincangan mereka cukup sampai di situ. Permohonan maaf daripada Yasin ini menandakan bahawa dia sudah tidak larat hendak berbincang lagi atas faktor

kekangan masa dan esoknya dia banyak kerja, tambahan pula sudah larut malam. Tindakan ini bukanlah disebabkan Yasin tidak mahu melayan isu yang dikemukakan oleh Harun dalam konteks peristiwa ini. Walaupun peristiwa 3 ini hanya memperlihatkan penyediaan konteks pradata yang relevan tetapi konteks ini signifikan kerana pemberian maklumat masih lengkap dan mencukupi bagi menggambarkan tajuk atau judul yang didiskusikan, iaitu tentang kesan majlis bergendang. Situasi ini juga menunjukkan bahawa terdapat kesesuaian penggunaan dan pemilihan unsur-unsur bahasa dalam peristiwa ini dengan jumlah 7 dialog. Maklumat yang disampaikan dengan lengkap dan mencukupi dapat menyantuni pendengar. Sara Beden (2020) menegaskan bahawa kesopanan menzahirkan kemesraan yang berupaya menyentuh perasaan dan memberi keyakinan kepada pendengarnya.

Seterusnya, merupakan analisis penggunaan pola kombinasi maksim berdasarkan MPKMU yang melibatkan penggunaan jumlah maksim dan jumlah dialog dalam peristiwa Pola 3. Penggunaan jumlah maksim dan dialog dalam Pola 3, 4 PS + 2 PK terdapat dalam jadual 9 berikut.

Jadual 9 : Pola 3, 4 PS + 2 PK - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Jumlah Dialog

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 3 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Kuantiti + Kualiti (4 PS + 2 PK)	
		Penggunaan Jumlah Maksim	Jumlah Dialog
1	4	4	7

Berdasarkan Jadual 9, didapati penggunaan jumlah maksim dan jumlah dialog dalam peristiwa yang mematuhi Pola 3 menunjukkan perbezaan dari segi penggunaan jumlah maksim dan jumlah dialog. Peristiwa 4, menggunakan empat maksim dengan jumlah tujuh dialog. Perbezaan dari segi penggunaan jumlah maksim dan dialog ini berlaku bertitik tolak atas faktor konteks. Oleh itu, analisis konteks dilakukan terhadap peristiwa dalam Pola 3.

Analisis Konteks Peristiwa Bahasa Pola 3 (4 PS + 2 PK)

Analisis konteks dalam makalah ini bagi peristiwa Pola 3 turut merujuk kepada satu perenggan pradata dan pascadata. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kasus konteks yang tidak relevan, maka dua ayat pradata dan dua ayat pascadata akan diambil kira. Analisis konteks dalam peristiwa 4 dalam Pola 3 terdapat dalam jadual 10 berikut.

Jadual 10 : Analisis Konteks Peristiwa 4

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
4 Yasin meminta diri untuk balik	**Konteks Tidak Relevan** "Lagipun jikalau kita tilikkan daripada tawarikhnya iaitu di zaman purbakala masa sebelum orang-orang kita tahu tulis-menulis itu, bukankah pantun-pantun ini yang digunakan buat menzahirkan kegendak-kehendak hati antara seorang dengan lainnya. Dan bukannya dalam perkara asyik maksyuk saja bahkan didalam beberapa perkara yang lain".	Konteks ini tidak relevan kerana maklumat pradata ini tidak memberikan gambaran tentang maklumat dalam data. Maklumat ini berkisar tentang luahan hati Harun tentang pantun.
	Data: (8-9) Ayat Mula : "Maaf dahulu, **cousin!** Memadailah had ini". Ayat Akhir : **Good night for you.** (Lampiran 4)	**Inti Pati** (i)Yasin meminta maaf kerana hendak balik. (ii)Yasin meminta agar Harun tidak lagi berbicara tentang gendang perempuan lagi. (iii)Harun menahan Ysin daripada balik dan mempelawanya minum (v)Yasin balik dan mengucapkan selamat malam kerana banyak kerja esoknya dan sudah larut malm.
	Konteks Tidak Relevan Agaknya tentulah tuan-tuan pembaca agak runsing manakala tiada didapatinya akan Si Harun dan Yasin itu anak siapa dan bagaimana keadaan kedudukannya. Insya-Allah penulis akan pimpinkan juga seboleh-bolehnya tuan-tuan pembaca ke rumah Si Harun dan diperkenalkan kepada isi rumahnya (halaman 9).	Konteks ini tidak relevan kerana tidak berkesinambungan dengan data. Konteks pascadata ini tentang penceritaan penulis tentang perkara peribadi kedua-dua watak.

Jadual 10 memaparkan analisis konteks peristiwa 4, iaitu peristiwa Yasin meminta diri untuk balik yang menggunakan 7 dialog. Berdasarkan analisis, didapati penyediaan konteks pradata sebelum peristiwa 4 ini tidak relevan dengan data. Konteks pradata ini tidak relevan kerana maklumat pradata ini tidak memberikan gambaran tentang maklumat dalam data. Maklumat pradata ini berkisar tentang luahan hati Harun tentang fungsi pantun. Sementara inti pati data berkisar tentang Yasin meminta maaf kerana hendak balik, Yasin meminta agar Harun tidak lagi berbicara tentang gendang perempuan lagi kerana sudah larut malam, Harun mempelawa Yasin minum terlebih dahulu, dan seterusnya Yasin meminta diri untuk balik dan mengucapkan selamat malam kerana banyak kerja esoknya. Berdasarkan analisis, diapati konteks pascadata turut tidak relevan dalam peristiwa 4 atas faktor tidak mempunyai kesinambungan maklumat dengan inti pati data. Konteks pascadata dalam peristiwa ini

berfokuskan penceritaan penulis tentang perkara peribadi kedua-dua watak Harun dan Yasin. Walaupun peristiwa 4 ini tidak memperlihatkan penyediaan konteks pradata dan pascadata yang relevan tetapi penggunaan 7 dialog dalam peristiwa ini memperlihatkan kecukupan dalam penyampaian maklumat. Penggunaan 7 dialog ini dapat menggambarkan tajuk atau judul yang dibicarakan, iaitu tentang Yasin meminta diri untuk balik sekali gus mencapai objektif komunikasi. Situasi ini juga menunjukkan bahawa terdapat kesesuaian penggunaan dan pemilihan unsur-unsur bahasa dalam peristiwa ini dengan penggunaan jumlah 7 dialog. Maklumat yang disampaikan dengan mencukupi dan lengkap memberikan kesan yang positif terhadap komunikasi yang berlangsung.

Impak Penyediaan Konteks

Berdasarkan analisis terhadap empat peristiwa bahasa yang mematuhi Pola 1 dan Pola 3 dapatannya terdapat dalam Jadual 11 berikut.

Jadual 11 : Dapatan Analisis Konteks dalam Peristiwa Pola 1 & Pola 3

Pola	**No Peristiwa**	**Dapatan Analisis Konteks**		
		Pradata	Pascadata	Signifikan/Tidak
1 (6PS+4PK)	1	X	✓	Signifikan
	2	X	✓	Signifikan
	3	✓	X	Signifikan
3 (4PS+2PK)	4	X	X	Konteks (Ø)

Jadual 11 memaparkan hasil dapatan analisis konteks terhadap tiga peristiwa yang tercakup dalam Pola 1, 6 PS + 4 PK dan satu peristiwa dalam Pola 3, 4 PS + 2 PK. Berdasarkan analisis, terdapat tiga variasi penyediaan konteks wujud, iaitu (i) konteks pradata sebagaimana dalam peristiwa 3, manakala (ii) konteks pascadata sebagaimana dalam peristiwa 1 dan 2. Sementara (iii) tiada penyediaan konteks dalam peristiwa 4, iaitu tidak wujud penyediaan konteks sama ada pradata atau pascadata. Situasi ini berlaku atas faktor maklumat pra dan pascadata tidak relevan dengan data atau inti pati peristiwa 4.

Analisis terhadap tiga peristiwa yang mematuhi Pola 1, iaitu peristiwa 1, 2 dan 3 mendapati faktor penyediaan konteks memberikan sumbangan yang signifikan kepada ketiga-tiga peristiwa. Peristiwa 1 memperlihatkan penggunaan sembilan dialog atas faktor kewujudan penyediaan konteks pascadata. Peristiwa 2 turut memperlihatkan penyediaan konteks pascadata dengan jumlah penggunaan tujuh dialog manakala peristiwa 3 memperlihatkan penyediaan konteks pradata dengan jumlah sebanyak lapan dialog. Ketiga-tiga peristiwa menunjukkan penggunaan jumlah dialog yang hampir sekata dan didapati penyediaan konteksnya signifikan. Berdasarkan analisis, didapati ketiga-tiga peristiwa tidak menggambarkan pengaruh faktor lain

seperti unsur pengulangan, unsur lawak atau unsur lewah dalam pemberian maklumat manakala jumlah dialog juga adalah sederhana antara tujuh hingga sembilan dialog atau tidak terlalu tinggi. Walaupun penyediaan konteks tidak sepenuhnya wujud dalam pra dan pascadata, namun kewujudan sebahagaian konteks dalam ketiga-tiga peristiwa membuktikan bahawa konteks memberikan sumbangan maklumat kepada setiap peristiwa. Walau bagaimanapun, dapatan memperlihatkan konteks tidak wujud dalam peristiwa Pola 3, iaitu peristiwa 4 kerana peristiwa ini memperlihatkan penyediaan konteks yang tidak relevan sama ada pradata atau pascadata. Peristiwa ini menggunakan tujuh dialog bagi melengkapkan maklumat dan bertepatan dengan judul yang didiskusikan pemeran. Walaupun penyediaan konteksnya kosong, namun tidak memberikan impak yang negatif atau menjejaskan komunikasi dalam peristiwa ini kerana maklumatnya bertepatan dengan judul dan objektif komunikasi yang hendak dicapai. Oleh itu, didapati bahawa konteks sama ada wujud atau sebaliknya tidak memberikan impak dalam melengkapkan maklumat dalam peristiwa 4. Penggunaan tujuh dialog dalam peristiwa ini memadai kerana objektif komunikasi tercapai berdasarkan ketepatan penggunaan unsur-unsur bahasa dengan perkara yang dibincangkan dalam peristiwa ini. Dapatan analisis konteks tersebut dapat dirumuskan sebagaimana dalam Jadual 12 berikut.

Jadual 12: Rumusan Analisis Konteks

Sifat	Penyediaan konteks	No. Peristiwa	Jumlah		Peratus
Signifikan	Pra dan pascadata	0	0	3	75
	Pascadata	1 & 2	2		
	Pradata	3	1		
Tidak signifikan	Pra dan pascadata	0	0		0
	Pascadata	0	0		
Penyediaan konteks Ø	Tiada konteks	4	1		25
Jumlah			4		100

Berdasarkan Jadual 12, terdapat dua sifat penyediaan konteks, iaitu penyediaan konteks yang bersifat signifikan sebanyak 75 peratus. Sementara sifat penyediaan konteks yang kedua ialah penyediaan konteks **Ø** sebagaimana dalam peristiwa 4, iaitu sebanyak 25 peratus. Dapatan turut memperlihatkan tiga variasi penyediaan konteks wujud, iaitu (i) pascadata, (ii) pradata dan (iii) tiada konteks. Berdasarkan penyediaan konteks yang bersifat signifikan, terdapat dua variasi penyediaan konteks, iaitu (i) konteks pradata dalam satu peristiwa, iaitu peristiwa 3. Penyediaan konteks dalam peristiwa ini signifikan kerana penyediaan konteks pradata memberikan impak kepada penggunaan jumlah dialognya kerana jumlah dialognya agak rendah (7 dialog). Perkara ini berlaku atas faktor ketepatan pemilihan dan penggunaan unsur-unsur bahasa seperti kata, ungkapan dan ayat dalam melengkapkan maklumat dalam peristiwa bahasa berkenaan. Sementara variasi (ii) konteks pascadata terdapat dalam dua peristiwa (peristiwa 1 & 2) dan kedua-duanya bersifat signifikan. Walaupun hanya memperlihatkan penyediaan konteks pascadata namun atas faktor ketepatan pemilihan kata yang digunakan, maka dapat melengkapkan maklumat dalam peristiwa ini. Peristiwa ini juga menggunakan dialog yang agak rendah, iaitu sembilan dan tujuh dialog. Dapatan menunjukkan tiada penyediaan konteks yang bersifat tidak signifikan dalam Pola 1 ini.

Peristiwa 4 pula menunjukkan penyediaan konteks **Ø**, namun penggunaan tujuh dialog memadai untuk melengkapkan maklumat dalam peristiwa ini berdasarkan ketepatan penggunaan unsur-unsur bahasa dengan perkara yang menjadi topik perbualan. Oleh itu, konteks bukanlah perkara yang wajib wujud dalam setiap peristiwa bahasa untuk menjamin kecukupan maklumat dan pencapaian objektif komunikasi sebagaimana yang berlaku dalam kasus peristiwa 4. Berdasarkan analisis, dapat dirumuskan bahawa jumlah dialog yang agak rendah maka impaknya lebih tinggi dengan syarat wujudnya keserasian antara perkara yang dibincangkan dengan penggunaan unsur bahasa dalam peristiwa bahasa tersebut. Perkara ini memperlihatkan bahawa pemilihan dan penggunaan unsur-unsur bahasa yang bertepatan dengan idea dan objektif komunikasi perlu diberi keutamaan sebagaimana pendapat Awang Sariyan (2006: 4) bahawa bahasa merupakan fakulti dalam akal yang berperanan sebagai pengungkap konsep dan idea. Oleh itu, apabila idea dan konsep yang digunakan memperlihatkan keserasian maka objektif komunikasi akan tercapai. Situasi ini berlaku dalam kasus peristiwa 4, iaitu walaupun tiada penyediaan konteks namun maklumat dalam peristiwa ini lengkap dan mencukupi. Aspek kesopanan tetap terpelihara menerusi penggunaan unsur bahasa yang bercirikan ketepatan dan keserasian dengan topik dan objektif komunikasi. Sara Beden & Indirawati Zahid (2017) turut menegaskan bahawa ketepatan penggunaan unsur-unsur bahasa dengan perkara yang dibincangkan dalam peristiwa bahasa membolehkan objektif komunikasi tercapai.

5. Kesimpulan

Analisis terhadap empat peristiwa bahasa dalam data korpus memperlihatkan pengaplikasian Pola 1, iaitu 6 PS + 4 PK (tiga peristiwa - 1, 2 & 3) dan Pola 3, iaitu 4 PS + 2 PK (satu peristiwa - 4). Pengklasifikasian ini berdasarkan MPKMU, iaitu kombinasi Prinsip Kesopanan Leech (1983) dan Prinsip Kerjasama Grice (1975). Dapatan memperlihatkan bahawa Pola 1, 6 PS + 4 PK yang paling tinggi penggunaannya dalam analisis, iaitu 77.4 peratus manakala Pola 3, 4 PS + 2 PK menunjukkan penggunaan yang paling rendah. Pola 1 yang merupakan kombinasi sempurna maksim-maksim Leech dan maksim-maksim Grice memperlihatkan penggunaan tertinggi menunjukkan bahawa pemeran sentiasa mengutamakan kesopanan berbahasa dalam berkomunikasi agar tiada pihak yang tersinggung menerusi pengaplikasian pelbagai maksim. Perkara ini bertepatan dengan penegasan Sara Beden & Indirawati Zahid (2016: 84) bahawa kecenderungan menggunakan lebih banyak maksim dalam sesuatu komunikasi, maka komunikasi bebas konflik diwujudkan. Hal ini bertitik tolak daripada faktor pemeran yang berhati-hati semasa berkomunikasi dengan pengaplikasian pelbagai maksim. Situasi ini juga menunjukkan bahawa pemeran memiliki kepekaan dan keprihatinan yang tinggi bagi melestarikan kesopanan menerusi pengaplikasian maksim Leech dan Grice. Sara Beden & Indirawati Zahid (2015: 167) dalam kajian sebelum ini mendapati bahawa kehadiran maksim Leech (1983) dan Grice (1975) yang dipaparkan melalui peristiwa bahasa telah memperlihatkan kesopanan berbahasa serta mencerminkan kerjasama sekali gus meningkatkan kesopanan dan keberkesanan maklumat dalam berkomunikasi. Analisis terhadap penggunaan jumlah maksim dan dialog pula memperlihatkan hasil yang bervariasi dalam tiga peristiwa Pola 1 dan satu peristiwa Pola 3. Penggunaan jumlah maksim dan dialog berbeza dalam ketiga-tiga peristiwa dalam Pola 1 walaupun diklasifikasikan dalam pola yang sama. Sementara penggunaan jumlah

maksim dan dialog dalam peristiwa Pola 3 turut memperlihatkan perbezaan. Penggunaan jumlah maksim dan dialog dalam keempat-empat peristiwa ini bervariasi atas faktor konteks selain memenuhi keperluan judul atau topik dan objektif komunikasi. Abdullah Hassan & Ainon Ahmad (1999: 17) menyatakan bahawa untuk mencipta komunikasi yang berkesan, kita perlu menguruskan proses komunikasi supaya semua pihak yang terlibat berasa puas kerana objektif mereka tercapai. Jika disorot, pandangan ini merupakan representasi akan kepentingan pencapaian objektif komunikasi dalam komunikasi yang berlangsung. Oleh itu, penggunaan jumlah maksim dan dialog yang bervariasi dalam analisis bertepatan dengan usaha untuk mencapai objektif komunikasi bagi menyantuni pendengar sekali gus menzahirkan kesopanan berbahasa.

Berdasarkan analisis konteks terhadap empat peristiwa dalam Pola 1 dan satu peristiwa dalam Pola 3, didapati terdapat dua sifat penyediaan konteks yang wujud, iaitu penyediaan konteks yang bersifat signifikan sebanyak 75 peratus (tiga peristiwa). Sementara sifat penyediaan konteks yang kedua ialah penyediaan konteks **Ø** sebagaimana dalam peristiwa 4, iaitu sebanyak 25 peratus (satu peristiwa). Oleh itu, dapatan sebanyak 75 peratus bagi penyediaan konteks yang bersifat signifikan dalam analisis membuktikan bahawa penyediaan konteks memainkan peranan yang signifikan dalam penyampaian maklumat. Halliday & Hassan (1976: 69) mengatakan bahawa maklumat baharu atau *new information* merupakan maklumat yang dipercayai oleh penutur tidak ada dalam pengetahuan pendengar yang mungkin tidak disebut sebelumnya. Dalam kajian ini, maklumat baharu atau pascadata membantu memberikan pengetahuan tambahan kepada maklumat yang sedang disampai atau dibincangkan dalam komunikasi sebagaimana yang berlaku dalam peristiwa 1 dan 2. Kewujudan maklumat lama atau pradata pula membantu menambahkan pengetahuan sedia ada dalam diri penutur dalam berkomunikasi. Oleh itu, kewujudan maklumat lama dan maklumat baharu atau penyediaan konteks pradata dan pascadata dalam peristiwa 1, 2 dan 3 telah memberikan sumbangan maklumat yang signifikan bagi menzahirkan kesopanan kerana mematuhi peraturan berbahasa. Ringkasnya, setiap pemeran dalam berkomunikasi berkecenderungan mengutamakan adab dalam berbahasa sebagaimana gagasan Leech (1983) tanpa mengesampingkan kerjasama sebagaimana gagasan Grice (1975) dengan syarat wujudnya ketepatan dan keserasian antara penggunaan unsur-unsur bahasa dengan judul atau topik perbincangan. Perbincangan dalam makalah ini menunjukkan bahawa faktor konteks, ketepatan penggunaan dan pemilihan unsur-unsur bahasa menzahirkan keserasiannya dengan topik perbualan sekali gus mencapai objektif komunikasi selain memberikan sumbangan yang signifikan untuk melantunkan kesopanan berbahasa yang harus diberi penekanan dewasa ini. Praktis berbahasa santun wajar dimulakan sejak di bangku sekolah dan di rumah sebagaimana penegasan Zaitul Azma Zainon Hamzah &Ahmad Fuad Hassan (2012b : 71) bahawa pembentukan perilaku berbahasa sopan dalam kalangan remaja perlulah bermula dari awal, iaitu melalui pendidikan di rumah dan di sekolah. Generasi muda dewasa ini memerlukan bimbingan dan nasihat agar mereka berupaya mendepani ketidaktentuan yang semakin rencam akibat ledakan dunia globalisasi dan revolusi industri 4.0.

Rujukan

Abdul Ganing Laengkang. (2010). *Kesantunan Bahasa dalam Ceramah Motivasi*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Abdullah Hassan & Ainon Ahmad. (1999). *Komunikasi untuk guru*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Ainul Nuriman. (2015). Lestarikan budaya bersopan santun. *Dewan Bahasa*. Julai: 13-15.

Asmah Omar. (1996). *Wacana, perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. (2006). Persuratan dan peradaban nasional abad ke-21: Gagasan dan kerangka strategi untuk peradaban Melayu. Dalam Mohamad Saleeh Rahamad, S.M. Zakir & Shamsudin Othman (Ed.), *Persuratan dan peradaban nasional* (hlm.1-29). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Brown, P. & Levinson, S. C. (1987). *Politeness some universals in language usage*. Cambridge: Cambridge University Press.

Goffman, E. (1955). On face work: An analysis of ritual elements in social interactions. Psychiatry, 18, 213-231.

Grice, H.P. (1975). Logic and conversations. Dalam Cole, P. & Morgan (Ed.), *Syntax and semantic : Speech act.* (pp. 41-58). New York: Academic Press.

Halliday, M.A.K & Hassan, R. (1976). *Cohesion in English*. Longman: London.

Halliday, M.A.K & Hassan, R. (1989). *Language, context and text: aspects of language in social-semiotic perspective*. Oxford: Oxford University Press.

Hashim Ahmad. (2016). Bahasa Menggambarkan Peribadi. *Pelita Bahasa*, Julai: 42-43.

Jeniri Amir. (2009). *Bahasa negara dan bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lakoff, R.T. (1975). *Language and woman's place*. New York: Harper and Row, London.

Leech, G. (1983). *Principles of pragmatics*. London: Longman.

Leech, G. (1993). *Prinsip pragmatik*. (Terj. Azhar M. Simin.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Rakawi Yusuf. (1987). *Melati Sarawak* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nordi Achie. (1999). Pemikiran Mohd Rakawi Yusof dengan Rujukan Khusus Terhadap Novel Melati Sarawak 1932. *Jurnal Sejarah*, No 7, hlm. 81-120 .

Noor Hatini Zolkifli & Siti Saniah Abu Bakar. (2011). Unsur eufemisme dalam novel Papa dan Azfa Hanani. *Jurnal Bahasa*, *12* (1), 83-108.

Nor Azian Abdul Aziz. (2005). *Analisis kesantunan berbahasa: Satu kajian kes*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Noriati Abd. Rashid. (2013). *Kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nurul Jamilah Rosly. (2010). *Kesantunan berbahasa dalam novel Julia: Satu analisis lakuan bahasa maaf berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech (1983).* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

Sara Beden & Indirawati Zahid. (2014). Analisis Kesopanan Bahasa Leech & Grice: Manifestasi struktur dan pola kesopanan bahasa dalam peristiwa Melunas Rindu. *Jurnal JATI (Journal of Southeast Asean Studies)*. 19, 151-168.

Sara Beden & Indirawati Zahid. (2015). Pemetaan Struktur Peristiwa Bahasa Melunas Rindu: Analisis Berdasarkan Model Prinsip Kesopanaan Leech (1983). *Jurnal Bahasa Jendela Alam*, 143-172.

Sara Beden & Indirawati Zahid. (2016). Pemetaan struktur peristiwa bahasa: Komunikasi bebas konflik. *GEMA Online, Journal of Language Studies*, 16 (1), 67-87.

Sara Beden & Indirawati Zahid. (2017). Analisis Konteks Peristiwa Bahasa Melunas Rindu: Aplikasi Model Leech dan Grice. *Jurnal Akademika.* 87 (1): 17-34.

Sara Beden. (2020). Kesejajaran Kesantunan Bahasa dalam Perutusan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983). *Jurnal Linguistik*, 24(1), 51-08.

Siti Hajar Che Man, Munir Shuaib, Razif Muhd & Sarjit Kaur. (2012). Kesedaran dan amalan kesopanan dalam kalangan remaja Malaysia: Menilai sumbangan teori kesopanan Brown Levinson. Jurnal *Akademika*, *82* (2), 81-85.

Suhaimi Jamaudin. (2015). Perlunya penyelidikan amalan kesantunan berbahasa. *Dewan Bahasa*. Julai: 16-18. Julai.

Teo Kok Seong. (2009). Bahasa dijunjung sastera disanjung. *Dewan Bahasa*, Disember: 6-10.

Yong, S. P. (1997). Satu Analisis Perbualan di Kalangan Guru Berpandukan Teori Grice. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Zainal Abdidin Ahmad (Za'ba). (1950). *Malay manners and etiquette*. JMBRAS, XXIII.

Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2012a). Kesantunan dan strategi Berbahasa dalam konteks pendidikan. Dalam Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof (Ed.), *Prinsip dan aplikasi kesantunan berbahasa* (hlm. 63-81). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Hassan. (2012b). Penggunaan Strategi Ketidaksantunan dalam Kalangan Remaja di Sekolah. Jurnal Linguistik, Jilid 6 : 62-74.

Biodata penulis

Sara Beden ialah pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Sarawak. Beliau mengkhusus dalam bidang pragmatik bahasa Melayu.